



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan  
Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada  
Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

|  |          |
|--|----------|
| <b>ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM .....</b>                                   | <b>2</b> |
| <b>WP 1.8 Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/ Penceramah Dan Fasilitator Sambilan .....</b> | <b>2</b> |
| <b>1. Tujuan .....</b>   | <b>2</b> |
| <b>2. Kadar.....</b>   | <b>2</b> |
| <b>3. Syarat.....</b>  | <b>2</b> |

## ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

### WP 1.8 Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/ Penceramah Dan Fasilitator Sambilan

#### 1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan dan kadar mengenai bayaran saguhati kepada pegawai Kerajaan yang memberi syarahan/ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator sambilan dalam kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan. Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

#### 2. Kadar

- 2.1 Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

| Kumpulan Perkhidmatan                          | Kadar Bayaran Saguhati         |                      | Had Maksimum Sebulan                           |
|--|--------------------------------|----------------------|--|
|  | Pensyarah/ Penceramah Sambilan | Fasilitator Sambilan |  |
| Kumpulan Pengurusan Tertinggi                  | RM300.00 sejam                 | RM100.00 sejam       | Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai |
| Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54 | RM200.00 sejam                 | RM100.00 sejam       |  |
| Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52 | RM150.00 sejam                 | RM90.00 sejam        |  |
| Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44 | RM120.00 sejam                 | RM80.00 sejam        |  |
| Kumpulan Sokongan                              | RM80.00 sejam                  | RM60.00 sejam        |  |

#### 3. Syarat

- 3.1 Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- 3.1.1 pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
- 3.1.2 memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;

- 3.1.3 pegawai dari unit/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran suguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/institusi/maktab/sekolah yang sama;
- 3.1.4 urus setia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran suguhati di bawah Pekeliling ini;
- 3.1.5 bayaran suguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan
- 3.1.6 pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar suguhati di bawah Pekeliling ini.